

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 SEPTEMBER 2016

'Urus konflik di Laut China Selatan secara berhati-hati'

BH- 8/9/2016

→ Najib akui tuntutan maritim rumit, perlu diselesai di Mahkamah Tetap Timbang Tara Antarabangsa

Nazura Ngah

nazura@bh.com.my

► Vientiane, Laos



Datuk Seri Najib Razak mengaku pertikaian dan konflik maritim di Laut China Selatan menuntut kaedah penyelesaian secara berhati-hati kerana ia rumit dan sensitif.

Menyentuh keputusan Mahkamah Tetap Timbang Tara Antarabangsa di The Hague, Julai lalu, Perdana Menteri berkata tiada mekanisme khusus untuk menguatkuasakan penghakiman itu berikutan China tidak mengiktirafnya.

"Kita tidak boleh menguatkuasakan (keputusan mahkamah), tiada peruntukan untuk kuat kuasa melainkan kedua-dua pihak (Chi-

na dan Filipina) pergi ke Mahkamah Tetap Timbang Tara Antarabangsa dan menerima terma ditetapkan.

"Tetapi ini adalah unilateral (sebelah pihak) oleh Filipina... oleh itu tiada mekanisme untuk menguatkuasakannya. Namun, Filipina boleh mendakwa mereka ada hak untuk tentukan isu membabitkan moral mereka kerana ia mencerminkan intepretasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS).

"Ya (konflik tuntutan maritim ini) rumit dan sensitif, jadi kita perlu uruskan dengan berhati-hati," katanya kepada wartawan Malaysia di Pusat Konvensyen Nasional di sini, malam tadi.

Beliau ditanya kemungkinan berlaku ketegangan di rantau ini berikutan tindakan China tidak

mengiktiraf keputusan mahkamah itu yang berasaskan kes dibawa Filipina.

China tiada hak

Mahkamah itu memutuskan China tidak memiliki hak untuk menuntut sebahagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan fakta sejarah dan '9 dash lines'.

Tuntutan maritim turut membabitkan tiga lagi negara anggota ASEAN, iaitu Vietnam, Malaysia dan Brunei serta Taiwan.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, China akhirnya bersetuju menerima pakai Kod Tata Laku (COC) selepas Deklarasi Tata Laku Pihak-Pihak di Laut China Selatan (DOC) ditandatangani 14 tahun lalu.

"ASEAN memujuk China untuk menerima COC secara prinsip dan sekarang negara itu sedang me-

netapkan tarikh akhir pelaksanaan COC itu," katanya.

Ditanya mengenai mesyuarat dua hala Malaysia-China, Perdana Menteri berkata, pertemuan dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang lebih berkisar kepada isu yang akan dibincangkan ketika lawatan rasmi beliau ke negara itu, November depan.

Terdahulu, Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-29, diikuti Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-19 bagi memperingati ulang tahun ke-25 hubungan dialog antara kedua-dua pihak.

Najib turut menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun, diikuti Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Selatan, Sidang Kemuncak ASEAN + 3 (APT) Ke-19, Sidang Kemuncak ASEAN-Australia dan Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.